

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

**Datuk Mas Ermieyati Binti Samsudin minta MENTERI TENAGA,
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:-**

- (a) anggaran perbelanjaan yang diperlukan oleh pihak Kerajaan untuk melaksanakan pelan induk kecekapan tenaga nasional dalam tempoh 10 tahun; dan
- (b) anggaran penjimatan kos dan bil elektrik, subsidi gas dan arang batu dan pembinaan loji-loji jana kuasa baru yang dapat dielakkan berdasarkan hasil dan dapatan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh perunding-perunding pakar yang telah dilantik oleh kementerian sepanjang tahun 2009-2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) 1. Kerajaan telah mengkaji semula cadangan untuk mewujudkan Pelan Induk Kecekapan Tenaga Negara (NEEMP) dan mendapati bahawa ia lebih sesuai digantikan dengan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara (NEEAP) bagi mempercepatkan lagi pelaksanaan program-program kecekapan tenaga di negara ini.
2. Kementerian menganggarkan sebanyak RM988 juta diperlukan dalam tempoh 10 tahun untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dicadangkan di bawah NEEAP. Di samping itu, Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara ini juga telah mengenal pasti peranan penting yang perlu dimainkan oleh pihak swasta untuk menjayakan pelaksanaan NEEAP ini. Dalam hal ini, pelaburan daripada sektor swasta dianggarkan berjumlah RM9.5 bilion untuk tempoh 10 tahun.

- (b) 1. Anggaran penjimatan yang disasarkan melalui pelaksanaan NEEAP untuk tempoh 10 tahun adalah sebanyak 50,594 Giga Watt jam (GWj) bernilai RM14.6 bilion berdasarkan kadar tarif elektrik semasa. Adalah dianggarkan sejumlah RM 10 bilion dapat dijimatkan melalui pelaksanaan pelan induk kecekapan tenaga tersebut.